Flagship of Selangor

PERANGSANG

www.perangsangselangor.com

Bulletin

2015 EDITION | OCTOBER - DECEMBER



ABASS Received Prime Minister's Hibiscus Award

ABASS Terima Anugerah 'Prime Minister's Hibiscus'

32

For Internal Circulation Only
Untuk Edaran Dalaman Sahaja

Prophet's Birthday Procession

Perarakan Maulidur Rasul

06

Equipment Assistance for Selangor Entrepreneur Stimulus Participants

Bantuan Peralatan Untuk Peserta Rangsangan Usahawan Selangor

15

400 Cyclists Ride Through Shah Alam City

400 Sertai Kayuhan Rentasi Bandar Raya Shah Alam

28

Contents / Kandungan

2015 EDITION
OCTOBER - DECEMBER
EDISI 2015
OKTOBER - DISEMBER

EDITORIAL / REDAKSI

PATRON / PENAUNG
YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin
rajaidris@kps.com.my

ADVISOR / PENASIHAT
Ahmad Fariz Hassan
ahmadfariz@kps.com.my

CHIEF EDITOR /
KETUA PENGARANG
Nik Ahmad Khusairi Nik Ibrahim
nikkhusairi@kps.com.my

EDITOR / PENGARANG
Salaziah Duriat
salaziah@kps.com.my

EDITORIAL TEAM /
SIDANG PENGARANG

Shahrul Izad Yahya
shahrul@kps.com.my

Mohd Izad Misri
mohdizad@kps.com.my

Shareen Mohd Anayath
shareen@kps.com.my

CONTRIBUTOR / PENYUMBANG

Mohd Ismail Zam Zam
ismail@kps.com.my

Halimy Abdul Hamid
halimy@kps.com.my

Sazli Mohd Salleh
sazli@abass.com.my

PUBLISHED BY /
DITERBITKAN OLEH
PUBLIC RELATIONS, MEDIA & CSR

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad

National Conference on Governance, Risk and Control
Persidangan Kebangsaan Tadbir Urus, Risiko dan Kawalan 04

DRI and Sterling Seminar
Seminar DRI dan Sterling 05

Prophet's Birthday Procession
Perarakan Maulidur Rasul 06

SMK Tinggi Kajang Champion of Dato' Mokhtar Dahari's Cup
SMK Tinggi Kajang Juara Piala Dato' Mokhtar Dahari 08

SK Section 20 Wins Raja Muda Of Selangor's Cup
SK Seksyen 20 Rangkul Piala Raja Muda Selangor 10

Perangsang Selangor Unearth Young Talented Cyclist
Perangsang Selangor Cungkil Bakat Pelumba Basikal Remaja 12

Perangsang Selangor Prioritise Staff Welfare
Perangsang Selangor Utamakan Kebajikan Warga Kerja 13

Air Conditioning Installation and Maintenance Services Course
Kursus Perkhidmatan Pemasangan dan Penyelenggaraan Penyaman Udara 14

Equipment Assistance for Selangor Entrepreneur Stimulus Participants
Bantuan Peralatan Untuk Peserta Rangsangan Usahawan Selangor 15

Clinical Cupping Therapy Entrepreneurship Course Sponsored By Perangsang Selangor
Kursus Keusahawanan Juru Bekam Klinikal Tajaan Perangsang Selangor 16

Perangsang Selangor Sponsor Maternity Care Training Course
Perangsang Selangor Taja Kursus Latihan Rawatan Bersalin 17

Perangsang Selangor Contributes School Supplies
Perangsang Selangor Sumbang Kelengkapan Sekolah 18

'Al-Quran' and 'As-Sunnah' Solidarity of 'Ummah'
Al-Quran Dan As-Sunnah Teras Perpaduan Ummah 19

Enterprise Risk Management Staff Awareness Session For Perangsang Selangor 2015
Sesi Kesedaran Pengurusan Risiko Perniagaan 2015 Untuk Warga Kerja Perangsang Selangor 20

Business Continuity Plan Live Simulation Test
Ujian Simulasi Pelan Kesinambungan Perniagaan 21

'Qiamullail and 'Tazkirah Perdana'
Qiamullail Dan Tazkirah Perdana 22

Birthday Celebration and Long Service Award
Sambutan Hari Lahir dan Khidmat Setia 24

New Staff
Warga Kerja Baharu 25

New Born
Kelahiran Baharu 26

Watching Star Wars: The Force Awakens Movie With Family
Menonton Filem Star Wars: The Force Awakens Bersama Keluarga 27

400 Cyclists Ride Through Shah Alam City
400 Sertai Kayuhan Rentasi Bandar Raya Shah Alam 28

Perangsang Selangor Closed Badminton Championship
Kejohanan Badminton Tertutup Perangsang Selangor 30

Konsortium ABASS Sdn Bhd

ABASS Received Prime Minister's Hibiscus Award
ABASS Terima Anugerah 'Prime Minister's Hibiscus' 32

Articles / Artikel

Controlling Eye Disease 34

Prevent Metabolic Syndrome 35

Editor's Note
Nota Pengarang

As a responsible corporate entity, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) is committed to ensuring all Corporate Social Responsibility (CSR) initiatives implemented achieve the desired goals inline with our vision and mission.

In the final edition of 2015, Perangsang Bulletin highlighted major CSR activities which include skill courses under the Selangor People Career Stimulus (SPCS) programme by sponsoring 20 youths, self-employed individuals and unemployed graduates to participate in the air conditioning installation and maintenance services training, 20 single mothers in traditional medicine course and mobile spa assistance as initial capital to single parents and housewives. Perangsang Selangor also emerged as the main sponsor of the 28th edition of Raja Muda of Selangor's Cup and Dato' Mokhtar Dahari's Football Championship worth RM250,000.

In addition, staff birthday celebrations, announcement of births, religious programmes and health articles were also included in this issue.

Other news include, Konsortium ABASS Sdn Bhd's (ABASS) 'Notable Achievement Award' in the environment management system presented by Malaysian International Chamber of Commerce and Industry at the Prime Minister's Hibiscus Award 2014/2015 and YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin, Chairman of Kumpulan Perangsang Selangor who appeared as one of the panelists for the topic of 'The Changing Governance Landscape in Malaysia' at the National Conference on Governance, Risk and Control.

Those who wish to share interesting stories or events are welcomed to e-mail details to info@kps.com.my in Microsoft Words format, together with high resolution photographs if available.

The editorial team wish to record our appreciation for all the support rendered, and we looking forward to hearing more exiciting news from you.

Wishing Everyone Happy New Year !

Thank You and Wassalam

Sebagai sebuah entiti korporat yang bertanggungjawab, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) komited untuk memastikan semua inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat (TSR) yang dilaksanakan mencapai matlamat selaras dengan visi dan misi syarikat.

Di dalam edisi terkahir bagi tahun 2015, Buletin Perangsang masih memaparkan aktiviti-aktiviti utama TSR termasuk kursus kemahiran di bawah program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) dengan menaja 20 belia, orang yang bekerja sendiri, penganggur dan pelajar terpilih mengikuti kursus pemasangan pendingin hawa dan perkhidmatan penyelenggaraan, 20 ibu tunggal di dalam kursus perubatan tradisional dan sumbangan peralatan spa mudah alih sebagai modal permulaan untuk ibu tunggal dan suri rumah. Perangsang Selangor juga merupakan penaja utama edisi ke-28 Kejohanan Bola Sepak Piala Raja Muda Selangor dan Piala Dato' Mokhtar Dahari dengan jumlah penajaan bernilai RM250,000.

Selain itu, sambutan hari lahir, pengumuman kelahiran baharu, program keagamaan dan artikel kesihatan turut dipaparkan di dalam keluaran ini.

Berita lain juga termasuk Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS) menerima 'Anugerah Notable Achievement' dalam pengurusan sistem alam sekeliling yang disampaikan oleh Malaysian International Chamber of Commerce and Industry di Majlis Anugerah Prime Minister's Hibiscus 2014/2015 dan penglibatan YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin, Pengerusi Kumpulan Perangsang Selangor sebagai salah seorang ahli panel mengenai topik 'Perubahan Lanskap Tadbir Urus di Malaysia' di Persidangan Kebangsaan Tadbir Urus, Risiko dan Kawalan.

Sekiranya anda mempunyai cerita atau aktiviti menarik yang ingin dikongsi bersama, sila hantar kepada kami di info@kps.com.my dalam format Microsoft Words serta gambar beresolusi tinggi (jika ada).

Kami, di redaksi merakamkan setinggi penghargaan dan mengalu-alukan sumbangan cerita serta gambar-gambar yang menarik daripada anda!

Selamat Menyambut Selamat Tahun Baru !

Terima kasih dan Wassalam

Corporate / Korporat

National Conference on Governance, Risk and Control Persidangan Kebangsaan Tadbir Urus, Risiko dan Kawalan

The Institute of Internal Auditors Malaysia (IIA Malaysia) conducted the National Conference on Governance, Risk and Control at the Kuala Lumpur Convention Centre on 7 and 8 September 2015, with the theme, Gearing for Innovation.

Gearing for Innovation emphasises on the evolving business landscape and mode of doing business that has been transformed, leading to conventional way of doing business no longer effective and efficient. Government Link Company (GLC) practitioners are now expected to be more adept in a more complexed environment.

YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin, Chairman of Kumpulan Perangsang Selangor was invited as one of the panelists on the topic of The Changing Governance Landscape in Malaysia. Other distinguished panelists were YBhg Tan Sri Dato' Setia Hj Ambrin Buang, YBhg Tan Sri Datuk Dr Abdul Samad Hj Alias and YBhg Dato' Shaharuddin Ibrahim as moderator.

Institut Juruaudit Dalaman Malaysia (IJD Malaysia) telah mengadakan Persidangan Kebangsaan Tadbir Urus, Risiko dan Kawalan di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur pada 7 dan 8 September 2015, bertemakan Memacu ke Arah Inovasi.

Memacu ke arah inovasi dengan memberi penekanan kepada pembangunan perniagaan yang sentiasa berubah dan cara menjalankan perniagaan secara konvensional, tidak lagi berkesan dan cekap. Pengamal Syarikat Berkaitan Kerajaan (SBK) kini dijangka akan menjadi lebih cekap dengan persekitaran yang lebih kompleks.

YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin, Pengerusi Kumpulan Perangsang Selangor telah dijemput sebagai salah seorang ahli panel mengenai topik Perubahan LanskapTadbir Urus di Malaysia. Ahli panel terkenal yang lain adalah YBhg Tan Sri Dato' Setia Haji Ambrin Buang, YBhg Tan Sri Datuk Dr Abdul Samad Haji Alias dan YBhg Dato' Shaharuddin Ibrahim sebagai moderator.

Corporate / Korporat

DRI and Sterling Seminar
Seminar DRI dan Sterling

DRI (Disaster Recovery Institute) has invited Nuranisah Hj Mohd Anis, Head of Risk Management as one of the panellists at the DRI and Sterling Seminar held at Intercontinental Hotel on 15 September 2015 on Risk Management Practices: Requirement & Expectation of Boards. Other distiguished panellists were Lim Tong Kang, Chief Risk Officer of Tenaga Nasional Berhad, Wan Norman Nasir, CRO of Felda Global Ventures Berhad, Sabarina Laila Dato' Mohd Hashim, Company Secretary of Malaysia Airport Berhad, and Patrick Abdullah, Head of Group Risk Management of ASTRO. There were about 60 participants from various GLCs and government agencies.

DRI (Disaster Recovery Institute) telah menjemput Nur Anisah Hj Mohd Anis, Ketua Pengurusan Risiko sebagai salah seorang ahli panel seminar DRI and Sterling yang berlangsung di Hotel Intercontinental pada 15 September 2015 mengenai Amalan Pengurusan Risiko: Keperluan & Harapan Ahli Lembaga Pengarah. Ahli panel terkenal yang lain ialah Lim Tong Kang, Ketua Pegawai Risiko, Tenaga Nasional Berhad, Wan Norman Nasir, CRO, Felda Global Ventures Berhad, Sabarina Laila Dato' Mohd Hashim, Setiausaha Syarikat, Malaysia Airport Berhad dan Patrick Abdullah, Ketua Pengurusan Risiko Kumpulan, ASTRO. Terdapat kira-kira 60 orang peserta daripada beberapa GLC dan agensi-agensi kerajaan.

Perangsang Selangor's contingent
Kontinjen Perangsang Selangor

Corporate / Korporat

Prophet's Birthday Procession
Perarakan Maulidur Rasul

Stage performance by Hijjaz
Persembahan oleh kumpulan Hijjaz

24 November 2015 : The Islamic Religious Department, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) led by Ustazah Khairunnisa Ahmad Nordin participated in 'Maulidur Rasul' procession organised by the Selangor Islamic Religious Department at Stadium Malawati, Shah Alam.

A total of 40 female staff from Perangsang Selangor and its subsidiaries namely Cash Band (M) Sdn Bhd, Konsortium ABASS Sdn Bhd (ABASS), Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) and its subsidiary Konsortium Air Selangor Sdn Bhd (KASB) and Hebat Abadi Sdn Bhd participated in the procession. In this year's parade, Perangsang Selangor won third place in the Best Banner category and received a cash prize of RM1,000, trophy and certificate presented by Tengku Panglima DiRaja, YAM Tengku Sulaiman Shah Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

The procession began from the Mini Stadium to the Shah Alam Malawati Stadium and attended by distinguished guests which include His Royal Highness The Sultan of Selangor as well as The Right Honourable Chief Minister of Selangor, EXCO members and heads of department in Selangor.

24 November 2015 : Jabatan Agama Islam, Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) yang diketuai oleh Ustazah Khairunnisa Ahmad Nordin telah menyertai perarakan Majlis Maulidur Rasul anjuran Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di Stadium Malawati, Shah Alam.

Seramai 40 warga kerja wanita daripada Perangsang Selangor dan anak-anak syarikat iaitu Cash Band (M) Berhad, Konsortium ABASS

Perangsang Selangor representative receiving prizes from Tengku Panglima DiRaja
Wakil kontinjen Perangsang Selangor menerima hadiah kemenangan daripada Tengku Panglima DiRaja

Other contigents participated in the procession
Kontigen lain yang menyertai perarakan

Sdn Bhd (ABASS), Kumpulan Darul Ehsan Berhad (KDEB) dan anak-anak syarikat iaitu Konsortium Air Selangor Sdn Bhd (KASB) dan Hebat Abadi Sdn Bhd telah menyertai perarakan ini. Pada perarakan kali ini, kontinjen Perangsang Selangor telah memenangi tempat ke-3 dalam kategori Sepanduk Terbaik dan menerima hadiah wang tunai RM1,000, piala dan sijil yang disampaikan oleh Tengku Panglima DiRaja, YAM Tengku Sulaiman Shah Ibni Al-Marhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah.

Perakan telah bermula dari Stadium Mini hingga ke Stadium Malawati Shah Alam. Turut memeriahkan perarakan adalah tetamu kehormat DYMM Sultan Selangor dan YAB Dato' Menteri Besar Selangor, ahli-ahli EXCO serta ketua-ketua jabatan kerajaan negeri Selangor.

SMK Tinggi Kajang player with Chief Minister of Selangor
Pemain SMK Tinggi Kajang bersama Dato' Menteri Besar Selangor

Community / Masyarakat

SMK Tinggi Kajang Champion of Dato' Mokhtar Dahari's Cup

SMK Tinggi Kajang Juara Piala Dato' Mokhtar Dahari

Selangor Chief Minister presenting the throphy to the champion
Dato' Menteri Besar Selangor menyampaikan piala pusingan kepada juara

11 October 2015 : In the final match of Dato' Mokhtar Dahari's Championship Cup sponsored by Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) SMK Tinggi Kajang emerged as champions by defeating SMK Meru 1-0 at PKNS Sports Complex, Kelana Jaya. As champions, SMK Tinggi Kajang took home a cash prize of RM10,000, medal and trophy while SMK Meru received cash prize of RM7,000 and medal as runner-up. Meanwhile, SMK Sultan Sulaiman Shah, Bestari Jaya took third place with a cash prize of RM5,000 and medal after defeating SMK La Salle in fourth place with RM3,000 and medal.

The prizes was presented by the Selangor Chief Minister, the Honourable Dato' Seri Mohamed Azmin Ali, witnessed by the Main Committee Chairman of Dato' Mokhtar Dahari's Football Championship Cup, Datuk Emran Kadir, Acting Chief Executive Officer of Perangsang Selangor, Ahmad Fariz Hassan, , Perangsang Selangor's Board of Director, Mustaffa Kamil Ayub as well as Deputy Director Selangor State Education Department, officials from Subang Jaya Municipal Council (SJMC), Shah Alam City Council (SACC), Petaling Jaya City Council (PJCC), Selangor Football Association (SFA), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Petaling Pedana and Petaling Utama District Education Office, parents and spectators.

The tournament was participated by thirty-two (32) secondary schools under 10 education offices from every district in Selangor.

The championship began with a trophy presentation ceremony by the Royal Highness Sultan of Selangor to the Main Committee Chairman of Dato' Mokhtar Dahari Football Championship at Istana Bukit Kayangan, Shah Alam on 27 August, 2015. In addition, a total of 160 players and teachers participated in a seminar on 'career as a professional footballer' on 5 September 2015 aimed to provide an overview as a professional football player.

This tournament has also become a platform to unearth talented football players to represent Selangor and Malaysia football team someday.

SMK Tinggi Kajang football players with the throphy
Pemain-pemain bolasepak dari SMK Tinggi kajang bersama piala pusingan

11 Oktober 2015 : Perlawanan akhir kejohanan bola sepak piala Dato' Mokhtar Dahari tajaan Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) telah menyaksikan SMK Tinggi Kajang muncul juara dengan mengalahkan SMK Meru dengan jaringan gol 1-0 di Stadium Kompleks Sukan PKNS, Kelana Jaya. Selaku juara, SMK Tinggi Kajang telah membawa pulang wang tunai berjumlah RM10,000 berserta pingat dan piala pusingan manakala naib juara, SMK Meru membawa pulang wang tunai RM7,000 dan pingat. SMK Sultan Sulaiman Shah, Bestari Jaya berjaya meraih tempat ketiga dengan membawa pulang wang tunai RM5,000 dan pingat setelah mengalahkan SMK La Salle yang menduduki tempat keempat mendapat RM3,000 beserta pingat.

Hadiah telah disampaikan oleh YAB Dato' Menteri Besar Selangor, YAB Dato' Seri Mohamed Azmin Ali disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Induk, Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari, Dato' Emran Kadir, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif, Perangsang Selangor, Ahmad Fariz Hassan, Ahli Lembaga Pengarah Perangsang Selangor, Mustaffa Kamil Ayub, serta para jemputan yang terdiri daripada Timbalan Pengarah Pendidikan Negeri Selangor, pegawai Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ), Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ), Persatuan Bolasepak Selangor (PBS), Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Pejabat Pendidikan Daerah Petaling Perdana dan Petaling Utama, ibu bapa serta penonton.

Kejohanan kali ini telah disertai tiga puluh dua (32) buah sekolah di bawah 10 Pejabat Pendidikan di setiap daerah negeri Selangor.

Kejohanan telah bermula dengan acara penyerahan piala Dato' Mokhtar Dahari oleh DYMM Sultan Selangor kepada Pengerusi Jawatankuasa Induk, Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Mokhtar Dahari di Istana Bukit Kayangan, Shah Alam pada 27 Ogos 2015. Selain itu, seramai 160 pemain dan guru juga telah mengikuti seminar 'kerjaya sebagai pemain bola sepak profesional' pada 5 September 2015 bertujuan untuk memberi pendedahan mengenai kerjaya sebagai pemain bola sepak professional.

Kejohanan ini juga telah menjadi satu medan untuk mencungkil bakat pemain bola sepak untuk mewakili pasukan Selangor khususnya dan Malaysia amnya suatu hari nanti.

SK Seksyen 20 players with Tengku Panglima DIRaja Selangor and organising committee
Pemain-pemain SK Seksyen 20 bersama Tengku Panglima DIRaja Selangor dan jawatankuasa perlaksana

Community / Masyarakat

SK Section 20 Wins Raja Muda Of Selangor's Cup
Sk Seksyen 20 Rangkul Piala Raja Muda Selangor

5 November 2015 : SK Section 20 Shah Alam team coached by Noor Azman Hashim clinched their 8th title after defeating SK Section 24 Shah Alam 2-1 during the final match held at SUK field, Shah Alam.

The goals were scored by Muhammad Faiz Amer Runnizar and Muhamad Farez Iqhmal Nazarudin in each half to ensure victory for Section 20 while SK Section 24's consolation goal was scored by Muhammad Raziq Rafi through a free kick in the second half.

The prize and championship trophy was presented by Tengku Panglima Diraja Selangor, YAM Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj witnessed by the Organising Committee Chairman of Raja Muda Selangor Cup's Championship, Datuk Emran Kadir and Chairman of Perangsang Selangor, YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin.

As champions, SK Section 20 received a cash prize worth RM4,000, including a challenge trophy, medals and certificates while the runners-up received RM3,000, medals and certificates.

Ahmad Uday Zidane Ariffin from (SK Section 20), was named the best goalkeeper, Nik Mohd Alif Nik Muhamad Radzilan (SK Section 20) and Muhammad Aliff Izwan (SK Seksyen 24) were the tournament's joined top scorer with 7 goals, while the best player in the final match was Muhammad Faiz Amer Runnizar (SK Sekysen 20).

The Raja Muda of Selangor's Cup championship was mooted by the HRH Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj in 1988 when he was the Raja Muda Selangor aimed to unearth talented football players under 12 years of age in the state of Selangor. The tournament has attracted 576 football players from 32 national schools under the Petaling Perdana and Petaling Utama district.

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) has emerged as the main sponsor of the 28th edition of Raja Muda Selangor's Cup with the sponsorship of RM100,000.

YAM Tengku Sulaiman shook hands with the players
YAM Tengku Sulaiman bersalaman dengan pemain-pemain

Players in action
Pemain-pemain sedang beraksi

5 November 2015 : Pasukan SK Seksyen 20 Shah Alam di bawah bimbingan Noor Azman Hashim merangkul kejuaraan buat kali ke-8 apabila berjaya menundukkan SK Seksyen 24 Shah Alam 2-1 bertempat di padang SUK, Shah Alam.

Gol-gol telah dijaringkan oleh Muhammad Faiz Amer Runnizar dan Muhamad Fareez Iqhmal Nazarudin pada separuh masa pertama dan kedua perlawanan bagi memastikan kemenangan buat Seksyen 20 manakala gol saguhati SK Seksyen 24 dijaringkan oleh Muhammad Raziq Rafi menerusi sepakan percuma pada separuh masa kedua.

Majlis penyampaian hadiah dan piala kejohanan telah disempurnakan oleh Tengku Panglima Diraja Selangor, YAM Tengku Sulaiman Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj disaksikan oleh Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejohanan Piala Raja Muda Selangor, Dato' Emran Kadir dan Pengerusi Perangsang Selangor, YM Raja Dato' Idris Raja Kamarudin.

Selaku juara, SK Seksyen 20 menerima hadiah wang tunai RM4,000 termasuk piala pusingan, piala iringan, pingat dan sijil manakala naib juara menerima RM3,000 beserta pingat dan sijil.

Penjaga gol terbaik dimenangi oleh Ahmad Uday Zidane Ariffin (SK Seksyen 20), penjaring terbanyak bersama dengan jumlah 7 jaringan menjadi milik Nik Mohd Aliff Muhamad Radzilan (SK Seksyen 20) dan Muhammad Aliff Izwan (SK Seksyen 24) manakala pemain terbaik perlawanan akhir ialah Muhammad Faiz Amer Runnizar (SK Sekysen 20).

Kejohanan Piala Raja Muda Selangor telah diilhamkan oleh DYMM Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj pada tahun 1988 selaku Raja Muda Selangor ketika itu bertujuan untuk mencungkil bakat pemain bola sepak bawah 12 tahun negeri Selangor. Kejohanan kali ini menyaksikan penglibatan seramai 576 pemain bola sepak daripada 32 sekolah kebangsaan di bawah PPD Petaling Perdana dan PPD Petaling Utama.

Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) telah muncul sebagai penaja utama kejohanan Piala Raja Muda Selangor edisi ke-28 dengan tajaan berjumlah RM100,000.

Briefing by Clever Speda School
Taklimat oleh Clever Speda School

Participants of the 'Cycling Clinic'
Peserta yang telah menyertai 'Klinik Basikal'

Community / Masyarakat

Perangsang Selangor Unearth Young Talented Cyclist
Perangsang Selangor Cungkil Bakat Pelumba Basikal Remaja

10 October 2015 : Cycling has become the latest trend among the society, especially youngsters who want to live a healthy and active life. Aware of this, Corporate Social Responsibility department of Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) under the Selangor Sport Stimulus (SSS) programme in collaboration with Clever Speda School organised a Cycling Clinic at SMK Sungai Besar, Sabak Bernam. The programme aimed to provide exposure, create awareness among the students and unearth new talents to be absorbed into the elite squad of SSS besides practising a healthy lifestyle.

A total of 26 boys and 14 girls aged between 13 and 14 years participated in the programme, which was launched by Mohd Ismail Zam Zam, Assistant Manager, Corporate Social Responsibility, Perangsang Selangor and organised by Mohd Sabri, Hadi Putra Ismail and Mahadzir Hamad from Clever Speda School.

This Cycling Clinic is the second series implemented in 2015.

10 Oktober 2015 : Sukan berbasikal telah menjadi aliran terkini dalam kalangan masyarakat terutamanya golongan remaja yang mahukan kehidupan yang sihat dan cergas. Menyedari hakikat ini, bahagian Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor di bawah program Rangsangan Sukan Selangor dengan kerjasama Clever Speda School telah menganjurkan Klinik Basikal di SMK Sungai Besar, Sabak Bernam. Program ini bertujuan untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada para pelajar tentang sukan lumba basikal serta mencungkil bakat baharu yang layak untuk diserap ke skuad elit Perangsang Selangor disamping mengamalkan gaya hidup yang sihat.

Seramai 26 pelajar lelaki dan 14 pelajar perempuan berumur antara 13 hingga 14 tahun telah menyertai program yang telah dilancarkan oleh Mohd Ismail Zam Zam, Penolong Pengurus, Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor dan dianjurkan oleh Mohd Sabri, Hadi Putra Ismail dan Mahadzir Hamad daripada Clever Speda School.

Program Klinik Basikal ini merupakan siri yang kedua dilaksanakan pada tahun 2015.

Among the employees who receive Employee Emergency Assistance
Antara kakitangan yang menerima Bantuan Kecemasan Pekerja

Community / Masyarakat

Perangsang Selangor Prioritise Staff Welfare
Perangsang Selangor Utamakan Kebajikan Warga Kerja

29 October 2015 : The Corporate Social Responsibility Department, Perangsang Selangor presented financial assistance amounted to RM68,965.82 under the Employee Emergency Assistance Programme as medical and disaster aid. The donation cheque was presented by Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Senior Manager, Corporate Social Responsibility at the Club Room, 16th Floor, Plaza Perangsang to Nazurah Mat Arif, Mohd Asrul Ismail, Mohamad Zaidi Jaafar, Mohd Izad Misri, Intan Izlina Abd Rashid, Rosmila Shamsudin, Arba'ayah Ahmad, Saliza Shamsudin dan Jamilah Budin.

29 Oktober 2015 : Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor telah menyampaikan bantuan kewangan berjumlah RM68,965.82 di bawah Program Bantuan Kecemasan Pekerja bagi tujuan bantuan perubatan dan bencana. Cek sumbangan telah disampaikan oleh Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Pengurus Kanan, Tanggungjawab Sosial Korporat di Bilik Kelab, Tingkat 16, Plaza Perangsang kepada Nazurah Mat Arif, Mohd Asrul Ismail, Mohamad Zaidi Jaafar, Mohd Izad Misri, Intan Izlina Abd Rashid, Rosmila Shamsudin, Arba'ayah Ahmad, Saliza Shamsudin dan Jamilah Budin.

Course participants
Peserta kursus

Community / Masyarakat

Air Conditioning Installation and Maintenance Services Course
Kursus Perkhidmatan Pemasangan dan Penyelenggaraan Penyaman Udara

Mohd Ismail giving words of encouragement to the participants
Mohd Ismail sedang memberi kata-kata semangat kepada para peserta

2-7 November 2015 : The Selangor People Career Stimulus (SPCS) programme under the auspices of Corporate Social Responsibility Department, Perangsang Selangor sponsored 20 youths and self-employed individuals, unemployed and selected students to participate in the Air Conditioning Installation and Maintenance Services course at the Industrial Training Institute, Kuala Lumpur conducted operated by Adimega Sdn Bhd.

Participants were exposed to theoretical and practical maintenance of air conditioning systems and introduction to business fundamentals. With this training, participants have the opportunity to pursue a career as a technician or assistant air-conditioning technicians and entrepreneurs.

Perangsang Selangor allocated RM39,600 for this 6 days course. Mohd Ismail Zam Zam, Assistant Manager, Corporate Social Responsibility, Perangsang Selangor officiated the course.

2-7 November 2015 : Program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) di bawah kendalian Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor telah menaja 20 belia dan individu berstatus bekerja sendiri, penganggur dan pelajar yang terpilih menyertai kursus Perkhidmatan Pemasangan dan Penyelenggaraan Penyaman Udara di Institut Latihan Perindustrian, Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh syarikat Adimega Sdn Bhd.

Peserta didedahkan dengan ilmu teori dan praktikal penyelenggaraan sistem penyaman udara serta pengenalan asas perniagaan. Dengan latihan ini juga, peserta berpeluang untuk menceburi kerjaya sebagai juruteknik atau pembantu juruteknik penyaman udara dan usahawan.

Perangsang Selangor telah memperuntukkan RM39,600 untuk kursus 6 hari ini. Kursus telah dirasmikan oleh Mohd Ismail Zam Zam, Penolong Pengurus, Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor.

The Honourable Amirudin presenting incentive to one of the receiver
YB Amirudin menyampaikan insentif kepada salah seorang penerima

The Honourable Amirudin presenting his speech
YB Amirudin menyampaikan ucapan

Community / Masyarakat

Equipment Assistance for Selangor Entrepreneurship Stimulus Participants

Bantuan Peralatan Untuk Peserta Rangsangan Usahawan Selangor

19 November 2015 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) has contributed equipment as inital capital to former Selangor People Career Stimulus (SPCS) participants and additional assistance to potential mobile spa entrepreneur under Selangor Entrepreneurship Stimulus (SES) programme.

A total of 90 livestock participants trained by MJ Fatonah, 25 instant printing participants trained by ANQR Flash Stamp, 30 sewing participants trained by Kamsiah Sewing Academy, 24 contractor participants (KOBINAS) trained by YSP Management and Training Sdn Bhd, 6 air conditioners maintenance participants trained by Adimega Sdn Bhd, 6 motorcycle maintenance participants trained by Adimega Sdn Bhd and 20 mobile spa participants trained by Tini Beauty and Slimming received the contributions presented by Mustaffa Kamil Ayub, Corporate Social Responsibility Board Committee Member, Perangsang Selangor witnessed by The Honorouble Amirudin Shari, Executive Councillor for Youth Development and Sports, Culture and Entrepreneur Development and Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Senior Manager, Corporate Social Responsibility, Perangsang Selangor. The overall 2015 contribution for phase 1 and 2 including Fenton Medicine amounted to RM937,211.00.

The ceremony was held at the Ballroom, Jubli Perak Hall, Selangor State Secretariat attended by 200 people including participants and training providers, as well as Perangsang Selangor staff.

19 November 2015 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) telah menyerahkan bantuan peralatan sebagai modal awal kepada bekas peserta Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) dan bantuan tambahan kepada usahawan-usahawan spa bergerak yang berpotensi di bawah program Rangsangan Usahawan Selangor (RUS).

Seramai 90 orang peserta penternakan yang telah dilatih oleh syarikat MJ Fatonah, 25 peserta percetakan segera yang dilatih oleh ANQR Flash Stamp, 30 perserta jahitan pakaian yang dilatih oleh Akademi Jahitan Kamsiah, 24 peserta kontraktor binaan (KOBINAS) oleh YSP Management and Training Sdn Bhd, 6 peserta penyelenggaraan penghawa dingin oleh Adimega Sdn Bhd, 6 peserta penyelenggaraan motosikal oleh Adimega Sdn Bhd dan 20 peserta spa bergerak oleh Tini Spa Beauty andSlimming turut menerima bantuan yang disampaikan oleh Mustaffa Kamil Ayub, Ahli Jawatankuasa Lembaga Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor disaksikan oleh YB Amirudin Shari, Ahli Jawatankuasa Tetap Pembangunan Generasi Muda dan Sukan, Kebudayaan dan Pembangunan Usahawan serta Mohd Fauzi Mohd Ghazali, Pengurus Kanan, Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor. Sumbangan keseluruhan tahun 2015 bagi fasa 1 dan 2 termasuk bantuan tambahan dan Fenton Medicine berjumlah RM937,211.00.

Majlis telah diadakan di Ballroom, Dewan Jubli Perak, SUK Selangor yang telah dihadiri seramai 200 peserta dan penyedia latihan serta kakitangan Perangsang Selangor.

Clinical cupping course participants
Peserta kursus bekam klinikal

Community / Masyarakat

Clinical Cupping Therapy Entrepreneurship Course Sponsored By Perangsang Selangor

Kursus Keusahawanan Juru Bekam Klinikal Tajaan Perangsang Selangor

Centre: Ismail presenting certificate to one of the participants
Tengah: Ismail menyampaikan sijil penyertaan kepada salah seorang peserta

12-13 December 2015 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) throught its Selangor People Career Stimulus (SPCS) programme sponsored 20 single mothers and traditional medicine practitioners to participate in the 2 days training course at Sani Hotel, Kuala Lumpur conducted by House of Cupping.

Participants were exposed to potential cupping therapy business, branding and marketing strategies, clinical cupping techniques and standard operating procedures, demonstration and practical. The participants were provided cupping therapy sets and also given an extensive training on hygiene and clinical equipment usage in order to convince the patients to undergo cupping therapy as well as to protect them from any infection.

SPCS programme is one of Perangsang Selangor's Corporate Social Responsibility initiatives, to create accredited clinical cupping therapy entrepreneurs in accordance to the Ministry of Health's standards. The trained single mother and traditional medicine practitioners would be able to generate income by starting their own clinical cupping therapy business. Mohd Ismail Zam Zam, Assistant Manager, Corporate Social Responsibility, Perangsang Selangor presented certificates to all participants at the end of the course.

12-13 Disember 2015 : Kumpulan Perangsang Selangor Berhad (Perangsang Selangor) melalui program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) telah menaja 20 ibu tunggal dan perawat traditional menyertai kursus latihan 2 hari di Sani Hotel, Kuala Lumpur yang dikendalikan oleh House of Bekam.

Peserta diberi pendedahan potensi perniagaan perkhidmatan bekam, penjenamaan dan strategi pemasaran, teknik dan prosedur kendalian standard bekam klinikal, demonstrasi serta praktikal. Peserta dibekalkan set bekam dan juga diberi pendedahan berkaitan aspek kebersihan, cara penggunaan peralatan klinikal supaya dapat meyakinkan pesakit untuk menjalani rawatan bekam selain melindungi pesakit daripada sebarang jangkitan kuman.

Program RKRS merupakan salah satu inisiatif Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor bagi melahirkan usahawan jurubekam klinikal yang bertauliah mengikut piawaian Kementerian Kesihatan Malaysia. Ibu tunggal dan perawat traditional yang dilatih boleh memulakan perniagaan serta dapat menjana pendapatan menerusi perniagaan perkhidmatan bekam. Mohd Ismail Zam Zam, Penolong Pengurus, Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor telah menyampaikan sijil penyertaan kepada semua peserta di akhir latihan.

Participants learning thethe facial massage technique
Peserta diajar cara pengurutan di bahagian muka

Community / Masyarakat

Perangsang Selangor Sponsor Maternity Care Training Course

Perangsang Selangor Taja Kursus Latihan Rawatan Bersalin

Maternity care participants
Peserta kursus rawatan bersalin

14-18 Disember 2015 : Selangor People Career Stimulus (SPCS) programme under the Corporate Social Responsibility Department, Perangsang Selangor has sponsored 20 single parents and housewives to participate in Maternity Care training course conducted by Tini's Spa at Section 7, Shah Alam.

During the 5 days course, participants were taught skills such as post-natal massage,, baby bathing and massage skill as well as basic nutrients during confinement. They were also taught on management and marketing aspects such as therapist ethics, operations management, time management, appointments, stock, financial management, sales targets, cost calculation, profit and effective marketing strategy.

At the end of the course, participants would be able to run a mobile post-natal care and massage services charging between RM80-RM100 or RM450 for a 3 days package that promises a monthly income of RM1,800.

14-18 Disember 2015 : Program Rangsangan Kerjaya Rakyat Selangor (RKRS) di bawah kendalian Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat, Perangsang Selangor telah menaja 20 ibu tunggal dan suri rumah untuk mengikuti kursus latihan Rawatan Bersalin kendalian Tini's Spa di Seksyen 7, Shah Alam.

Sepanjang kursus 5 hari, peserta diajar kemahiran seperti urutan selepas bersalin dan bertungku, bertangas, berbengkung, berparam dan berpilis serta cara memandikan bayi serta urutan bayi dan asas nutrisi semasa berpantang. Aspek pengurusan dan pemasaran seperti etika juruterapi, pengurusan operasi, pengurusan masa, temu janji, stok, pengurusan kewangan, sasaran jualan, pengiraan kos, keuntungan serta strategi pemasaran yang berkesan.

Selepas tamat kursus, peserta boleh menjalankan perkhidmatan rawatan selepas bersalin dan urutan daripada rumah ke rumah dengan caj sebanyak RM80-RM100 atau pakej RM450 untuk 3 hari yang menjanjikan pendapatan sebanyak RM1,800 sebulan.

Norazlan presenting the donation to Armina
Norazlan menyampaikan sumbangan kepada Armina

Community / Masyarakat

Perangsang Selangor Contributes School Supplies
Perangsang Selangor Sumbang Kelengkapan Sekolah

From left: Nor Hidayah, Nur Muhammad and their mother Armina with the contribution ofschool supplies.
Dari kiri: Nor Hidayah, Nur Muhammad dan ibunya Armina dengan sumbangan kelengkapan sekolah

23 December 2015 : Nor Hidayah and Nur Muhammad from Gombak, Selangor have been living in deprivation after being abandoned by their father for the past 2 years. As a company that cares, Perangsang Selangor through its Corporate Social Responsibility Department contributed school supplies such as uniforms, bags, shoes, books, stationery and cash for payment of school fees amounted to RM2,500.

The contribution was presented by Norazlan Jantan from Corporate Social Responsibility to Armina Mat Rashid, mother of Nor Hidayah and Nur Muhammad. Hopefully this contribution will ease their burden and provide encouragement to both of them to study harder to achieve success.

23 Disember 2015 : Nor Hidayah dan Nur Muhammad berasal dari Gombak, Selangor merupakan anak yang terbiar setelah ditinggalkan bapa kandung tanpa sebarang nafkah sejak 2 tahun yang lalu. Sebagai syarikat yang prihatin, Perangsang Selangor melalui Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat telah menyampaikan sumbangan kelengkapan sekolah berupa pakaian seragam, beg, kasut, buku, alat tulis serta wang tunai untuk bayaran yuran sekolah berjumlah RM2,500.

Sumbangan telah disampaikan oleh Norazlan Jantan daripada Jabatan Tanggungjawab Sosial Korporat kepada Armina Mat Rashid, ibu kepada Nor Hidayah dan Nur Muhammad. Semoga sumbangan ini dapat meringankan beban serta memberi dorongan kepada kedua beradik ini untuk belajar dengan lebih tekun dan gigih demi mencapai kejayaan.

From left: Ustaz Syed Abdul Kadeer Al-Jofree, Ustaz Hezry Yasin and Ustaz Azhar Yahya
Dari kiri: Ustaz Syed Abdul Kadeer Al-Jofree, Ustaz Hezry Yasin and Ustaz Azhar Yahya

Staff / Kakitangan

'Al-Quran' and 'As-Sunnah' Solidarity of 'Ummah'
Al-Quran Dan As-Sunnah Teras Perpaduan Ummah

27 November 2015 : Religious Talk entitled 'Al-Quran' and 'As-Sunnah' Solidarity of 'Ummah' organised by Islamic Religious Department, Perangsang Selangor was held at the Lobby, Plaza Perangsang. For this session, the religious talk was conducted by Ustaz Hezry Yasin as moderator, Ustaz Syed Abdul Kader Al-Jofree as the first panel and Ustaz Azhar Yahya as a second panel. The ceremony started with a welcoming speech by Ustaz Zaharudin Muhammad, Chief Religious Officer, Peangsang Selangor.A total of 210 of staff, tenants and surrounding residents attended the talk.

